MESTI BACA

Heimlich Manoeuvre

1. Seseorang itu dikatakan **tercekik** apabila terdapat makanan atau objek yang menghalang pergerakan udara di saluran pernafasan.
2. Berikut merupakan **situasi** mangsa yang memerlukan kaedah *Heimlich Manoeuvre*.
   (a) Memegang leher dengan kedua-dua tangan
   (b) Bibir atau kulit kelihatan kebiruan dan kehitaman
   (c) Sukar bernafas
   (d) Tidak boleh bercakap atau batuk
3. Bantuan *Heimlich Manoeuvre* perlu diberikan dengan **segera** kerana jika seseorang tercekik, **saluran pernafasan**nya akan tersumbat dan menghalang **oksigen** ke peparu. Hal ini menyebabkan **oksigen** tidak cukup untuk dihantar ke otak. Jika terlambat untuk memberi bantuan, mangsa boleh mengalami **kerosakan otak** dan mengakibatkan **kematian**.

PILIHAN JAWAPAN

<u>Bagi soalan 6(a) - (d)</u>

pernafasan
tercekik
Heimlich Manoeuvre
kematian
oksigen
pernafasan
udara
otak
oksigen

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

6. Rajah di bawah menunjukkan rakan Jimmy yang tiba-tiba memegang lehernya dengan kedua-dua tangan serta tidak boleh bercakap ketika sedang makan di sebuah restoran.



(a) Apakah masalah yang mungkin dialami oleh kawan Jimmy?

_____

(b) Bagaimanakah situasi yang dinyatakan di **6**(a) boleh terjadi?

Makanan menghalang pergerakan _____ di saluran _____.

(c) Nyatakan bantuan kecemasan yang harus diberikan kepada rakan Jimmy.

_____

(d) Apakah yang akan berlaku jika bantuan kecemasan tidak diambil dengan segera apabila berlakunya situasi di atas?

Jika seseorang tercekik, saluran _____ akan tersumbat dan menghalang _____ ke peparu. Keadaan ini menyebabkan _____ tidak cukup untuk dihantar ke otak. Jika bantuan kecemasan lambat diberikan, mangsa boleh mengalami kerosakan _____ atau boleh menyebabkan _____.

LIVEWORKSHEETS